

# Harga ikan di Terengganu menurun

HM 18/10/23 n15 8

**Marang:** "Tidak berlaku kenaikan harga ikan di Terengganu, malah harga sumber protein itu semakin menurun," kata Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim.

Menurutnya, harga ikan turun mendadak contohnya ikan selayang kini ada yang dijual pada harga RM10 untuk tiga kilogram.

Menurutnya, apa yang berlaku ketika ini tidak pernah berlaku dalam tempoh agak lama dalam konteks negeri Terengganu iaitu harga ikan menurun.

"Walaupun ikan itu dikatakan datang dari Endau, Johor tetapi sebenarnya nelayan Endau datang memukat di perairan Terengganu.

"Cuma hasil dibawa ke Endau dan bawa balik melalui jalan darat ke Terengganu," katanya ketika ditemui pada program X-to-Reef di Jeti Pelancongan Marang, dekat sini, semalam.



NELAYAN menyusun hasil tangkapan ikan selepas pulang dari laut untuk dijual kepada penduduk setempat di Jeti Seberang Takir, Kuala Terengganu.

Ditanya mengenai harga ikan di negeri ini, beliau berkata, harga ikan di Terengganu menurun berikutan kedatangan musim tengkujuh.

"Bulan September, Oktober dan November merupakan musim tangkapan meningkat dan musim

(tengkujuh) ini ikan-ikan dari perairan laut dalam akan (datang) hampir ke kawasan pesisir pantai.

"Banyak spesies ikan yang ditemui di kawasan 10 jam perjalanan, kini hanya tiga hingga empat jam sudah jumpa spesies ini," katanya.

Menurutnya, fenomena seumpama ini berlaku pada musim tengkujuh kerana ia adalah musim ikan bertelur sekali gus pihaknya menggesa nelayan menggunakan kaedah tangkapan yang tidak merosakkan sumber protein berkenaan.